

Headline	Konsert AIA Generasi Malaysia		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	21 Jun 2015	Color	Full Color
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	M1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	1787 cm ²
Journalist	3	AdValue	RM 6,669
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 20,007



Konsert AIA Generasi Malaysia

...tampilkan Gary Chaw, Shila Amzah dan Reshmonu



Aksi Shila Amzah di pentas

HAMPIR 10,000 rakyat Malaysia berpusu-pusu ke Stadium Tertutup Putrajaya, Bukit Jalil meraikan kepelbagaian budaya menjangkit keunikan rakyat Malaysia di Konsert AIA Generasi Malaysia.

Tiga daripada artis antara b a n g s a paling hangat di negara ini, Gary

Chaw, Shila Amzah dan Reshmonu, memaparkan kuasa muzik mereka unik dengan gabungan nama rock, pop, soul dan reggae memberikan penonton pengalaman sukar dilupakan.

Dipersembahkan oleh AIA Bhd., AIA Generasi Malaysia Concert mengumpul minat muzik dari semua lapisan masyarakat meraikan tiga artis Malaysia menaikkan profil negara di pesada antarabangsa.

Ketua Pegawai Eksekutif AIA Bhd., Anusha Thavarajah, melancarkan konsert tersebut berkata,

"Di AIA, kami benar-benar percaya muzik mempunyai kuasa menghibur, memikat dan memukau."

"Konsert ini membuktikan bahawa kita boleh ber-

satu melalui kuasa muzik dan meraikan generasi yang bangga menjadi rakyat Malaysia. Muzik sebenar seharusnya tidak berhenit!"

Lagu-lagu dipersembahkan terdiri daripada gabungan senarai hit setiap daripada artis tersebut dan juga versi lagu pop masa kini diadun dengan pengaruh muzik unik dari ketiga-tiga artis itu sendiri.

Reshmonu memaparkan inovasi gaya fusion pop dan reggae, seterusnya membuatkan semua yang hadir menanti mengikut gabungan rentak Rude dari Magick, I'm Yours dari Jason Mraz, Moves Like Jagger dari Maroon 5, dan lagu hitnya sendiri seperti It's You That Matters, Hey Waiyay, Understand, Oh Anak Anak dan The Way It Makes You Move.

Beliau mempersembahkan medley lagu-lagu jazz dan soul seperti I'm Lost dari Michael Bublé, Thinking Out Loud dari Ed Sheeran dan Let's



Persembahan Reshmonu.

Get It On dari Marvin Gaye. Shila tidak lama lagi melakukan siri konsert Mandarin pertamanya, membuat semua teruja dengan menyampaikan dua single Mandarin iaitu Zheng Fu dan Xiang Ne De Ye, bersama-sama single hitnya Patah Seribu dan Masih Aku Cinta.

Shila juga memaparkan kuasa vokal beliau yang mantap dengan menyampaikan medley dari Beyoncé dengan Halo, Love on Top dan Crazy In Love.

Kemudian tiba giliran Gary pula untuk menghayalkan penonton dengan persembahannya yang penuh perasaan dan juga kebolehan vokalnya yang mengagumkan.

Tentunya inilah sebab mengapa beliau menambat hati



Ribuan peminat hadir menyaksikan konsert Gary, Shila dan Reshmonu.

ramai peminat di Malaysia, China, Taiwan dan Hong Kong! Senarai lagunya di pentas termasuk hits beliau yang terkenal iaitu Guan Jun, Qi Chuang Ge dan Shi Jie Wei Yi De Ni, serta Hoy Fut Tin Hung yang dipopularkan oleh kumpulan rock Hong Kong, Beyond.

Gary dan Shila pula kemudiannya mengagumkan penonton dengan dua pertamanya reka, sebuah lagu Mandarin popular berjudul Yue Liang Dai Biao Wo De Xin.

Menutup tirai dengan nada patriotik dalam meraikan semangat Generasi Malaysia, Gary, Shila dan Reshmonu bersama-sama di pentas untuk kali pertama mempersembahkan lagu tema yang meriah, bersemangat dan tidak yang

Rakaman dari belakang persembahan tiga penyanyi popular Gary, Shila dan Reshmonu.